



31 Disember 2019
31 December 2019
P.U. (A) 398

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(POTONGAN BAGI PERBELANJAAN YANG DILAKUKAN
BAGI PENYEDIAAN PROGRAM LATIHAN YANG
DILULUSKAN) 2019

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENDITURE INCURRED
FOR PROVISION OF APPROVED INTERNSHIP
PROGRAMME) RULES 2019*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN YANG DILAKUKAN BAGI PENYEDIAAN PROGRAM LATIHAN YANG DILULUSKAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan yang Dilakukan bagi Penyediaan Program Latihan yang Diluluskan) 2019**.

Pemakaian

2. Kaedah-Kaedah ini terpakai bagi orang yang layak yang menjalankan atau telah menjalankan—

(a) program latihan yang diluluskan dalam tahun taksiran 2015 hingga tahun taksiran 2016 bagi pelajar yang mengikuti suatu program diploma di institusi pengajian tinggi dan bagi pelajar yang mengikuti kursus yang layak iaitu program vokasional (minimum Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 4); dan

(b) program latihan yang diluluskan bagi pelajar dalam tahun taksiran 2017 hingga tahun taksiran 2021.

Tafsiran

3. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“institusi pendidikan tinggi” ertinya suatu institusi di Malaysia, yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [*Akta 173*] atau Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*] dan berdaftar dengan Kementerian Pendidikan, Malaysia;

“kursus yang layak” ertinya suatu program vokasional (minimum Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3) yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia atau Jabatan Pembangunan Kemahiran;

“orang yang layak” ertinya seseorang yang bermastautin di Malaysia dan diluluskan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad untuk menjalankan suatu program latihan yang diluluskan;

“pelajar” ertinya—

- (a) seseorang individu yang merupakan warganegara Malaysia; dan
- (b) berhubungan dengan—
 - (i) institusi pendidikan tinggi, seseorang individu—
 - (A) yang mengikuti suatu program diploma atau ijazah secara sepenuh masa di suatu institusi pendidikan tinggi; dan
 - (B) yang menamatkan program latihan yang diluluskan sebelum selesai semester akhir program diploma atau ijazahnya; atau
 - (ii) kursus yang layak, seseorang individu—
 - (A) yang mengikuti suatu kursus yang layak secara sepenuh masa; dan
 - (B) yang menamatkan program latihan yang diluluskan sebelum selesai semester akhir kursus yang layaknya;

“program latihan yang diluluskan” ertinya suatu program latihan berstruktur di Malaysia yang dijalankan bagi tempoh minimum sepuluh minggu sebagaimana yang diluluskan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Malaysia yang memberi pengalaman praktikal dan menekankan pembangunan pengetahuan atau kemahiran khusus, termasuk tetapi tidak terhad kepada teknikal, komunikasi atau perniagaan, bagi pelajar; dan

“Talent Corporation Malaysia Berhad” ertinya suatu syarikat berhad menurut jaminan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] untuk memulakan dan memudahkan inisiatif yang menumpukan kepada keperluan bakat di Malaysia.

Potongan

4. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan orang yang layak daripada perniagaannya bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi apa-apa perbelanjaan yang diperihalkan dalam subkaedah (2) yang dilakukan oleh orang yang layak itu dalam tempoh asas itu untuk menjalankan suatu program latihan yang diluluskan.

(2) Perbelanjaan yang disebut dalam subkaedah (1) adalah seperti yang berikut:

- (a) elaun latihan bulanan sekurang-kurangnya lima ratus ringgit yang dibayar kepada pelajar;
- (b) perbelanjaan yang dilakukan bagi penyediaan latihan kepada pelajar; dan
- (c) perbelanjaan yang dilakukan bagi makanan, perjalanan dan penginapan pelajar semasa program latihan itu.

(3) Jumlah amaun perbelanjaan di bawah perenggan (2)(b) dan (c) yang dibenarkan bagi setiap pelajar hendaklah tidak melebihi lima ribu ringgit bagi suatu tahun taksiran.

(4) Amaun potongan yang dibenarkan di bawah subkaedah (1) hendaklah bersamaan dengan dua kali ganda amaun perbelanjaan yang dilakukan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(5) Bagi maksud kelayakan bagi potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini, orang yang layak yang menuntut potongan itu hendaklah mengemukakan surat daripada Talent Corporation Malaysia Berhad yang mengesahkan bahawa program latihan yang dijalankan ialah suatu program latihan yang diluluskan.

Dibuat 30 Disember 2019

[CR(8.20)116/1-138(2017)(SJ.2)(SK.2); LHDN.A.Y.A.600-12/1/7(29)-20;
PN(PU2)80/XCVI]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai
Pendapatan 1967]*

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENDITURE INCURRED FOR PROVISION OF
APPROVED INTERNSHIP PROGRAMME) RULES 2019

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 154(1)(b) and 33(1)(d) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following rules:

Citation

1. These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction for Expenditure Incurred for Provision of Approved Internship Programme) Rules 2019**.

Application

2. These Rules shall apply to a qualified person who conducts or has conducted—

(a) an approved internship programme in the year of assessment 2015 until the year of assessment 2016 for a student pursuing a diploma programme in a higher educational institution and a student pursuing a qualified course being a vocational programme (minimum Malaysian Skills Certificate Level 4); and

(b) an approved internship programme for a student in the year of assessment 2017 until the year of assessment 2021.

Interpretation

3. In these Rules—

“higher educational institution” means an institution in Malaysia, established under the Universities and University Colleges Act 1971 [*Act 30*], Universiti Teknologi MARA Act 1976 [*Act 173*] or the Private Higher Educational Institutions Act 1996 [*Act 555*] and registered with the Ministry of Education, Malaysia;

“qualified course” means a vocational programme (minimum Malaysian Skills Certificate Level 3) recognized by the Malaysian Qualifications Agency or the Department of Skills Development;

“qualified person” means a person who is a resident in Malaysia and approved by the Talent Corporation Malaysia Berhad to conduct an approved internship programme;

“student” means—

- (a) an individual who is a Malaysian citizen; and
- (b) in relation to—
 - (i) a higher educational institution, an individual—
 - (A) who is pursuing a diploma or degree programme on full-time basis in a higher educational institution; and
 - (B) who completes the approved internship programme before completion of the final semester of his diploma or degree programme; or
 - (ii) a qualified course, an individual—
 - (A) who is pursuing a qualified course on full-time basis; and
 - (B) who completes the approved internship programme before completion of the final semester of his qualified course;

“approved internship programme” means a structured internship programme in Malaysia conducted for a minimum period of ten weeks as approved by the Talent Corporation Malaysia Berhad in collaboration with the Ministry of Education, Malaysia which provides practical experience and emphasizes the development of specific knowledge or skill, which includes but not limited to technical, communication or business, for students; and

“Talent Corporation Malaysia Berhad” means a company limited by guarantee incorporated under the Companies Act 2016 [Act 777] to initiate and facilitate initiatives which address the talent needs in Malaysia.

Deduction

4. (1) For the purpose of ascertaining an adjusted income of a qualified person from his business for a basis period for a year of assessment, a deduction shall be allowed for any expenses as described in subrule (2) which were incurred by the qualified person during that basis period for conducting an approved internship programme.

(2) The expenses referred to in subrule (1) are as follows:

- (a) the internship monthly allowance of not less than five hundred ringgit paid to the students;
- (b) the expenditure incurred for the provision of training for the students; and
- (c) the expenditure incurred on meal, travelling and accommodation for the students during the internship programme.

(3) The total amount of expenses under paragraphs (2)(b) and (c) which is allowed for each student shall not exceed five thousand ringgit for a year of assessment.

(4) The amount of deduction allowed under subrule (1) shall be equivalent to a double amount of expenses incurred under these Rules.

(5) For the purpose of qualifying for the deduction under these Rules, the qualified person claiming for the deduction shall produce a letter from the Talent Corporation Malaysia Berhad confirming that the internship programme conducted is an approved internship programme.

Made 30 December 2019

[CR(8.20)116/1-138(2017)(SJ.2)(SK.2); LHDN.A.Y.A.600-12/1/7(29)-20;
PN(PU2)80/XCVI]

LIM GUAN ENG
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]